

Penduduk minta kerajaan negeri atasi segera banjir

Oleh **ZULKIFLI SAINUDDIN**

pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 14 DIS.**

PENDUDUK di Kampung Budiman, dekat sini merayu kerajaan PKR Selangor mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda kawasan kediaman mereka sejak lima tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Kampung Budiman, Bahar Khafadi, 50, berkata, setiap tahun kampung mereka akan dilanda banjir paling kurang dua kali dan ini amat menyusahkan penduduk.

Menurutnya, meskipun telah banyak aduan dibuat, tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut, seolah-olah lebih 320 rumah yang ada di kampung ini tidak dihiraukan.

"Setiap kali hujan lebih dari dua jam, kampung kami akan ditenggelami air sehingga ke paras paha.

"Lebih menyedihkan tidak ada agensi yang tampil memberi bantuan dan kami terpaksa mengambil inisiatif sendiri untuk mengempam air keluar dan bergotongroyong membersihkan rumah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Bahar mendakwa, banjir berlaku ekoran kegagalan kolam takungan air menampung jumlah taburan hujan kerana banyak kawasan hutan yang sebelum ini menjadi kawasan tadahan semulajadi telah diterokai.



NAZIRA NOR JAMAIL (kanan) dibantu jirannya, Samzini Asdor membersihkan lantai rumahnya selepas banjir melanda Kampung Budiman, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

"Kawasan hutan di Kampung Budiman telah banyak diterokai untuk pembangunan perumahan dan kilang termasuk meluaskan kawasan kubur Cina.

"Rekaan kolam tadahan sedia ada pula tidak begitu baik kerana saluran untuk air keluar terlalu kecil dan laluan untuk air yang melimpah pula terlalu tinggi, menyebabkan air melimpah ke kawasan kampung kami," ujarnya.

Seorang penduduk, **Mazni Jumadi**, 41, yang merupakan seorang ibu tunggal pula berkata, setiap kali banjir melanda, dia akan kerugian kira-kira RM2,000 hingga RM3,000.

"Banjir kali ini lebih teruk, air naik sehingga ke paras paha dan sangat deras sehingga menyebabkan pintu serta jendela kayu rumah saya tercabut," jelasnya.

Seorang peniaga, **Mohd. Ariffin Rashid**, 45, pula berkata, setiap kali banjir dia terpaksa menutup kedai makan miliknya

sehingga tiga hari untuk proses pembersihan dan menunggu air surut.

"Tahun ini sahaja sudah tiga kali saya terpaksa menutup kedai makan saya dan menanggung kerugian sehingga beribu ringgit.

"Kedai inilah satu-satunya sumber pendapatan saya dan lebih menyedihkan rumah saya yang terletak berhampiran kedai turut dinaiki air," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, sehingga pukul 9 pagi ini, sebanyak tiga pusat pemindahan telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir.

Tambahnya, pusat pemindahan tersebut ialah di Surau Ladang Tuan Mee, Kuala Selangor, Dewan Majlis Perbandaran Klang di Kampung Kuantan, Klang dan Dewan Orang Ramai Taman Meru yang menempatkan kira-kira 64 orang mangsa membabitkan 19 keluarga.



MOHD. ARIFFIN



MAZNI JUMADI